

7 haribulan Disember , 1941

Serangan ke atas Pearl Harbor adalah hasil daripada setelah sekian lama hubungan buruk antara Jepun dan Amerika Syarikat dalam permasalahan Cina dan keamanan di Asia Tenggara. Peristiwa ini bermula pada tahun 1931 apabila anggota golongan pelampau tentera Jepun telah menentang polisi kera-jaan, dan selanjutnya telah menak-luki Manchuria, iaitu kawa-san sebelah utara Cina. Jepun yang tidak menghiraukan kecaman Amerika, pada musim panas tahun 1937, telah melancarkan satu seran-gan besar-besaran ke atas Cina. Meskipun tindakan Jepun itu menimbulkan kegelisahan dipihak Amerika Syarikat dan negara lainnya, namun tiada tindakan ketenteraan telah diambil bagi menyekat Jepun.

Tiga tahun kemudian, peperangan di Eropah telah meletus, dan Jepun telah memihak kepada Nazi Jerman dalam pakatan paksi. Amerika Syarikat telah menggunakan kedua-dua tekanan diplomatik dan ekonomi untuk menyelesaikan konflik antara Cina-Jepun. Kerajaan Jepun melihat keadaan tersebut, seperti sekatan keatas minyak, sebagai ancaman keatas keamanan keatas negaranya.

Serangan ke atas Pearl Harbor adalah sebahagian daripada strategi penaklukan ke atas wilayah barat pasifik. Matlamatnya ialah untuk melumpuhkan Armada Pasifik supaya Amerika Syarikat tidak dapat menangani rancangan penaklukan ini. Perancang utama serangan ini ialah Laksamana Isoroku Yamamoto, iaitu ketua yang menyandang

gelaran angkatan tentera gabungan Jepun. Meskipun Yamamoto sendiri menentang peperangan dengan Amerika, tetapi dia sedar satu-satunya harapan bagi memenangi peperangan ini adalah dengan cara memperolehi kemenangan dengan cepat dan berkesan. Kekuatan ekonomi dan industri Amerika yang unggul memungkinkan kemenangan kepada Amerika jika konflik ini berpanjangan.

Tepat pada tanggal 26 November, Armada Jepun yang terdiri daripada 33 anak-anak kapal berserta kapal kecil, termasuk enam buah kapal induk, berlayar dari Utara Jepun menuju ke arah kepulauan Hawai'i. Ianya mengambil arah laluan yang paling utara bagi perjalanan laut. Pada awal pagi 7 haribulan Disember 1941, kapal ini telah sampai ke tempat yang di tujui, iaitu 425 km (230 batu nautika) ke utara O'ahu. Pada pukul 6 pagi gelombang pertama yang terdiri dari pesawat penempur, pesawat pengebom, dan pesawat torpedo telah dilepaskan. Pada malam sebelumnya, 18.5 km (10 batu nautika) dari ambang Pearl Harbor, lima kapal selam kecil yang masing-masing membawa dua anak kapal dan dua torpedo dilepaskan dari kapal selam induknya lalu menyelip masuk ke Pearl Harbor sebelum serangan udara dimulakan. Matlamat mereka adalah untuk menghasilkan kemusnahan sehebat mungkin semasa serangan berlaku.

Sementara itu di Pearl Harbor terdapat 130 buah kapal Armada Pasifik sedang tenang berlabuh. Dari sembilan buah kapal perang tersebut, tujuh daripadanya sedang tertambat di "Battleship Row" yang terletak di persisiran selatan pantai Pulau Ford. Pesawat udara Angkatan Laut berjajar di landasan di Pulau Ford, di pangkalan udara Angkatan Laut Teluk Kane'ohe, dan di pangkalan udara Angkatan Laut Ewa. Pesawat udara milik Angkatan Darat di letakkan dalam kumpulan berfungsi sebagai pertahanan terhadap kemungkinan adanya sabotaj di pangkalan udara Hickam, Wheeler, dan Bellows.

Pada pukul 6:40 pagi, anak-anak kapal pemusnah USS Ward telah melihat sebuah menara komando dari salah satu kapal selam kecil yang sedang menuju ke arah Pearl Harbor. Kapal Ward telah dapat menenggelamkan kapal selam itu dengan bom laut

dengan tembakan meriam, lalu melapurkan melalui radio ke markas besar. Sebelum pukul 7:00 pagi, stesyen radar di Opana Point dapat isyarat adanya sejumlah pesawat udara sedang menghampiri dari sebelah utara. Pesawat-pesawat tersebut telah diduga sebagai pesawat dari kapal induk Enterprise atau pesawat-pesawat B-17 yang memang dijangka datang dari Tanah Besar Amerika. Oleh kerana itu tiada sebarang tindakan telah diambil.

Gelombang pertama penempur Jepun kena pada sasarannya sebelum pukul 7:55 pagi. Ketua Komandennya, Mitsuo Fuchida, menghantar maklumat "To, To, To" dan Tora, Tora, Tora," memberitahu armada mereka bahawa serangan telah bermula dan serangan mendadak telah di lepaskan dengan berkesan.

Pada kira-kira pukul 8:10 pagi, USS Arizona telah meledak dan terbakar setelah sebuah bom penembus lapis keluli yang beratnya 800 kg menembusi bahagian dek kapal dan kemudiannya meledakkan bahagian ruang penyimpanan amunisi yang berada di bahagian depan kapal tersebut. Dalam jangka masa kurang dari 9 minit, kapal USS Arizona telah tenggelam bersama dengan 1,177 anak-anak kapalnya dengan kerugian besar. USS Oklahoma, terkena beberapa serangan torpedo, dan terbalik menyebabkan 400 orang didalamnya terperangkap. Kapal California dan West Virginia tenggelam di tambatannya, manakala Kapal Utah, yang telah dijadikan kapal pelatih tenggelam bersama 50 anak kapalnya. Kapal Maryland, Pennsylvania dan Tennessee juga mengalami kerosakan yang hebat. Setelah terkena beberapa tembakan, kapal Nevada berusaha untuk melarikan diri ke lautan terbuka, namun terpaksa dikandaskan ke pantai bagi mengelakkan terhalangnya pintu masuk ke pelabuhan.

Pada waktu memuncaknya serangan ke atas Pearl Harbor, pangkalan angkatan tentera yang lainnya di O'ahu juga terkena serangan. Hickam, Wheeler, dan pangkalan udara Bellows, Stesyen Pangkalan udara Angkatan Laut Ewa, Pangkalan Udara Angkatan Laut Kane'ohe, dan berek Schofield mengalami bermacam-macam kerosakan dengan beratus-ratus

pesawat udara dimusnahkan mengakibatkan beratus-ratus orang terkorban dan tercedera.

Setelah lebih kurang lima minit, kapal anti-pengebom Amerika telah melancarkan satu serangan balas, tetapi kebanyakan peluru meriam yang dilepaskan tidak menepati sasaran telah jatuh ke atas bandaraya Honolulu di mana penduduk tempatan menyangka bom tersebut adalah dari pihak Jepun. Sejenak kemudian, lebih kurang dalam pukul 8:40 pagi, gelombang kedua serangan dari udara dengan bertujuan untuk melanjutkan lagi serangan ke atas bahagian dalam pelabuhan telah memusnahkan kapal USS Shaw, Sotoyoma, dermaga kering, dan merosakkan kapal Nevada dengan dahsyatnya hingga ia nya tenggelam. Serangan itu juga menyerang Pangkalan Udara Hickam dan Kane'ohe, mengakibatkan kehilangan nyawa yang besar dan mengurangkan kemampuan Amerika untuk membalas balik serangan.

Juru terbang Tentera Udara Amerika telah berhasil untuk melancarkan beberapa pesawat pejuang dan berhasil menembak jatuh 12 buah kapal terbang musuh. Pada pukul 10 pagi, pesawat-pesawat tentera Jepun berpatah balik ke Utara, dan serangan pun berakhir sudah. Pihak tentera Jepun telah kehilangan 29 pesawat pejuang dan lima buah kapal selam kecil, salah satu daripadanya telah berjaya di tangkap semasa cuba membuat pendaratan cemas di Pangkalan Udara Bellows.

Meskipun serangan-serangan tentera Jepun itu sungguh dahsyat, tetapi ianya bukanlah satsy kemenangan mutlak. Walaupunpun Armada Amerika di Lalutan Pasifik telah dihancurkan namun kapal induknya yang tidak berada di pelabuhan semasa serangan, masih kukuh terapung di Pangkalan Pearl Harbor, dan di luar dugaan ianya masih kukuh. Kapal induk yang menjadi tempat penyimpan minyak dan pangkalan kapal selam itu hanya mengalami kerosakkan kecil. Tetapi yang lebih utama sekali ialah rakyat Amerika yang sebelumnya berpecah kepada dua mengenai isu campurtangan Amerika Syarikat dalam Perang Dunia kedua, kini telah bersepadu pendapat untuk menggalakkan Jepun dan sekutunya dalam pakatan paksi.

* Angka masih dalam penilaian selanjutnya.
 ** Semua kapal telah diperbaiki dan beroperasi semula di medan perang kecuali Arizona, Utah, dan Oklahoma.